



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (05 DISEMBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **satu (1) kes** positif COVID-19 dikesan di Lawas, Sarawak. Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,068 kes.**

A. Kes Baharu COVID-19

I. Daerah Lawas (1 kes baharu): Import B

a) Kes Saringan Individu Balik Dari Kawasan Berisiko Tinggi (1 kes baharu).

Kes 1,068 merupakan seorang lelaki warganegara tempatan dari Sarawak yang telah menjalani saringan COVID-19 sebagai individu yang baru balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 iaitu dari Sabah. Kes ini bekerja sebagai pemeriksa perancah di sebuah tapak pembinaan di Kota Kinabalu, Sabah sebelum diberhentikan kerja pada bulan Oktober 2020.

Kes telah balik ke Sarawak melalui ICQ Merapok, Lawas pada 28 November 2020 menggunakan kenderaan pensendirian bersama dua orang rakan lain dan telah dimasukkan ke pusat kuarantin bagi menjalani kuarantin wajib selama 14 hari. Kes menjalani saringan COVID-19 pada 30 November 2020 dan keputusan ujian rT-PCR mendapati kes ini positif COVID-19 pada 4 Disember 2020.

Kes mula mengalami gejala dan menunjukkan tanda-tanda jangkitan pada 11 November 2020 semasa berada di Sabah. Kes telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Miri untuk rawatan lanjut.

Pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan dan kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.

B. Kluster COVID-19 Yang Tamat.

Hari ini terdapat dua (2) kluster COVID-19 yang telah tamat setelah tiada kes baharu dikesan atau dilaporkan dalam tempoh 28 hari yang lepas melibatkan kluster ini. Kluster yang diisytiharkan tamat pada hari ini ialah **Kluster Baki dan Kluster Seladah di Daerah Kuching.**

C. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.

Hari ini, **tiada kluster baharu dilaporkan.** Terdapat empat (4) kluster yang masih aktif di Sarawak seperti berikut:

- i) **Kluster Besi, Kuching** : kes positif kekal 12 orang termasuk kes indeks.

ii) **Kluster Jalan Abell, Kuching** : kes positif kekal 15 orang termasuk kes indeks.

iii) **Kluster Greenhill, Kuching** : kes positif kekal 91 orang termasuk kes indeks.

iv) **Kluster Wisma Saberkas, Kuching** : kes positif kekal 44 orang termasuk kes indeks.

D. Status Kes COVID-19 di dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **satu (1)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini iaitu dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj telah meningkat kepada **1,034** orang atau **96.82%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **15** orang iaitu:

- Sembilan (9) kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- Empat (4) kes di Hospital Miri; dan
- Dua (2) kes di Hospital Sibul.

Hari ini, **terdapat lima (5) PUI** baru telah dilaporkan dan **satu (1) PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Daerah Kuching dan Serian kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan **tiga (3)** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas iaitu Kuching (2) dan Serian (1). Manakala 38 buah daerah lain kekal berstatus Hijau.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **10 notis kompaun** di Kuching (9) dan Miri (1).

Manakala Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **128 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu MD Marudi (47), SMC (32), MPP (23), DBKU (10), BDA (8), MBKS (4), MD Serian (3) dan MB Miri (1).

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini, sebanyak **1,442 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (181), Restoran (269), Kilang (9), Bank (128), Pejabat Kerajaan (48), Penjaja (22), Pasar Tani/Awam (57), Tempat Ibadah (48), Tempat Riadah (31), Tapak Pembinaan (13) dan lain-lain (636).

Seramai **575 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (275), ATM (34), RELA (126), APM (88), PBT (45), KKM (3) dan lain-lain agensi (4).

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,149** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak, Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
05 DISEMBER 2020
5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases		1067	Total Cases still in ward	15	1.40%
New Cases		1	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu		185,613	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases		1068	Total Death Cases	19	1.78%
IR per 100,000 population		34.62	Recovered and discharged cases	1,034	96.82%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	Patient Under Investigation (PUI)	New	Cummulative
Negative	5	9,770		5	10,839
Pending Result	1	1			

Current Status		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward		9	2	0	4	0	15
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0	0
Intubated cases		0	0	0	0	0	0
Total Death Cases		17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	1	0	0	0	0	1
	Cummulative	866	41	49	76	2	1034
Total re-admission cases (<i>Re-tested Positive</i>)		9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	2	7,307	0	713	1	693	0	12	8	7	2
2	Serian	1	329	0	26	0	25	0	0	1	1	1
Jumlah		3	7636	0	739	1	718	0	12	9	8	3

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (38)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Miri	0	911	0	58	0	56	0	1	1	0	0
2	Lawas	1	29	1	11	0	10	0	0	1	1	0
3	Lundu	0	262	0	7	0	7	0	0	0	0	0
4	Limbang	0	35	0	13	0	10	0	1	2	2	0
5	Samarahan	0	599	0	116	0	112	0	4	0	0	0
6	Bintulu	0	326	0	49	0	49	0	0	0	0	0
7	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
8	Sibu	0	124	0	19	0	17	0	0	2	2	0
9	Bau	0	184	0	7	0	7	0	0	0	0	0
10	Simunjan	1	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
11	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
12	Tebedu	0	8	0	3	0	3	0	0	0	0	0
13	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
14	Sri Aman	0	56	0	4	0	3	0	1	0	0	0
15	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
16	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
19	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		2	3,203	1	329	0	316	0	7	6	5	0
Jumlah Besar		5	10,839	1	1,068	1	1,034	0	19	15	13	3

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **478 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **39 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **4,086 orang**. Manakala seramai **36,114 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 05.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (2,331)	Hock Lee	123
2		Grand Dormani	64
3		Kuching Park	73
4		Pullman	428
5		Hilton	245
6		Harbour View	182
7		Riverside (Astana Wing)	194
8		Grand Margherita	310
9		Imperial Boulevard	260
10		Tune Hotel	31
11		Dormani Hotel	18
12		Grand Continental	179
13		Meritin	40
14		Longhouse	81
15		Abell	58
16		Lot 10	45
17	Miri (996)	Mega Hotel	119
18		Somerset	31
19		Imperial Palace	178
20		Eastwood Valley	77
21		Paragon	56
22		Meritz	219
23		Miri	36
24		Dynasty	132
25		Kenyalang Suite	40
26		Citi Hotel	38
27		Nova	70
28	Bintulu (220)	Wasan Inn	11
29		Fairfield by Marriot	117
30		Kidurong Inn	17
31		Motel Kapok	23
32		Faber Inn	26
33		AA Inn	26
34	Limbang (261)	Purnama	143
35		Seri Malaysia (Lawas)	92
36		Mandarin (Lawas)	26
37	Sibu (159)	Premier	159
38	Samarahan (119)	INFRA	55
39		Kolej Rafflesia, UNIMAS	64
Jumlah PUS			4,086

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **6 lokasi di Kuching (2), Miri (2), Samarahan (1) dan Betong** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,043 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 05.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	2	689
2	Miri	2	408
3	Sibu	TIADA	190
4	Samarahan	1	133
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	118
7	Limbang	TIADA	95
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	1	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
Jumlah Keseluruhan			2,043

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **48 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 05.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	2
2	MD Serian	3
3	MP Sibul	9
4	BDA	1
5	MCC	15
6	MD Marudi	5
7	MD Limbang	2
8	MD Lawas	11
Jumlah		48